

UPM capai sasaran 8,000 pelajar pascasiswazah

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bharian.com.my

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mencapai sasaran enrolmen 8,000 pelajar pascasiswazah setahun lebih awal daripada tempoh ditetapkan apabila jumlah keseluruhan penuntut peringkat itu kini mencecah lebih 8,500.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata sejak diwujudkan pada 1993 hingga semester 2008/2009, Sekolah Pengajian Siswazah UPM menerima kemasukan kira-

kira 6,000 pelajar peringkat sarjana, manakala lebih 2,500 lagi ijazah doktor falsafah (PhD) dan 2,600 daripadanya antarabangsa.

Beliau berkata, ia sekali gus meletakkan institusi pengajian tinggi berkenaan di landasan yang betul dalam usaha meningkatkan statusnya sebagai universiti penyelidikan.

"UPM menetapkan sasaran mencapai enrolmen 8,000 pelajar pascasiswazah menjelang 2010 dan kemasukan 1,311 pelajar baru iaitu 1,086 peringkat sarjana dan 225 lagi PhD bagi semester 2008/2009 ini membolehkan sasaran itu dicapai lebih awal daripada tempoh asal ditetapkan.

"Selain petunjuk baik bahawa UPM antara universiti pilihan utama pelajar pascasiswazah tempatan dan luar negara, ia juga dapat membantu usaha menjadi universiti penyelidikan tersohor ber taraf dunia," katanya berucap pada Majlis Perasmian Putra Sarjana 2009 serta Majlis Ikrar Pelajar Baru Siswazah Semester 2008/2009, di Serdang, baru-baru ini.

Nik Mustapa berkata, komitmen UPM dalam menye-

diakan suasana pembelajaran kondusif kepada pelajarinya antara faktor utama ia menjadi universiti pilihan.

Beliau memberi contoh, Program Putra Sarjana yang diwujudkan sejak 2007 khusus bagi mewujudkan mekanisma sokongan pembelajaran untuk pelajar pascasiswazah diteruskan tahun ini berdasarkan maklum balas positif daripada kumpulan pelajar terbabit.

"Kebanyakan pelajar pascasiswazah memaklumkan kepada kami program ini membantu melicinkan proses pembelajaran mereka teru-

tama sesi khas bimbingan penulisan tesis untuk terbitan jurnal serta pelbagai kaedah carian maklumat menggunakan kemudahan di perpustakaan universiti," katanya.

Sementara itu, Nurulhidayah Datuk Ahmad Zahid, 31, antara pelajar yang mendaftar bagi program Sarjana Komunikasi Korporat bagi semester ini.

Anak sulung Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Zahid Hamidi itu, berkata beliau mengorbankan kerjayanya sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan di sebuah syarikat

“Komitmen UPM dalam menyediakan suasana pembelajaran kondusif kepada pelajarinya antara faktor utama ia menjadi universiti pilihan”

Dr Nik Mustapha
Naib Canselor, Universiti
Putra Malaysia

swasta untuk melanjutkan pengajian hingga ke peringkat PhD, sekali gus menjadi pensyarah apabila tamat pengajian nanti.

Sementara itu, pasangan suami isteri dari Iran, Fardad Arvin, 28, dan Marjan Javanmard, 27, masing-masing memilih melanjutkan pengajian peringkat sarjana dalam bidang pengajian Kejuruteraan Komputer dan Kejuruteraan Makanan di universiti itu berdasarkan saranan rakan yang memuji jaminan kualiti pengajian dan keselesaan kemudahan disediakan UPM.



Nurulhidayah



Marjan Javanmard